

Taklimat Pengurusan Perolehan UiTM

Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam telah berjaya menganjurkan **TAKLIMAT PENGURUSAN PEROLEHAN UiTM** pada 27 Julai 2022 bertempat di Dewan Kuliah 9, Fakulti Farmasi.

Taklimat ini adalah diwajibkan untuk dihadiri oleh semua pegawai dari Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh dan Dengkil yang menguruskan perolehan di PTJ masing-masing. Jumlah keseluruhan peserta ialah seramai 120 orang. Taklimat ini dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Badrul Isa, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar.

Objektif taklimat ini ialah :

- i. Membantu untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang pelaksanaan Perolehan UiTM.
- ii. Membantu dalam memantapkan urusan perolehan melalui pekeliling-pekeliling perolehan semasa yang berkuatkuasa.
- iii. Membantu untuk memberi kesedaran tentang kepentingan dalam memahami peranan, proses dan tatacara perolehan..
- iv. Membantu untuk meningkatkan kualiti kerja yang lebih berintegriti, efisien dan efektif.

Taklimat ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi menerangkan dengan terperinci berkenaan kaedah perolehan dan sesi petang lebih kepada pengurusan spesifikasi, teknikal dan isi-isu perolehan.

Taklimat ini secara tidak langsung dapat menjayakan usaha Pejabat Bendahari ke arah pencapaian Pengurusan Perolehan yang lebih cemerlang dan berintegriti.











